

-----  
B B347 DEB

MAHATHIR - GAJI

KUALA TERENGGANU, 3 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGINGATKAN BAHAWA BUKANLAH SESUATU YANG MUSTAHIL BAGI NEGARA MENGHADAPI MASALAH SEHINGGA PADA PERINGKAT KERAJAAN TIDAK MAMPU MEMBAYAR GAJI KAKITANGANNYA, SEPERTI YANG BERLAKU DI SESETENGAH NEGARA LAIN.

+INI SEMUA BOLEH BERLAKU JIKA KITA TIDAK PANDAI MENGURUS PENTADBIRAN NEGARA,+ TEGAS PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DI SINI.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, DATUK SERI SANUSI JUNID.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DI SESETENGAH NEGARA ADA KAKITANGAN KERAJAAN YANG TERPAKSA MELAKUKAN KERJA-KERJA LUAR SELEPAS WAKTU PEJABAT KERANA GAJI YANG MEREKA TERIMA TIDAK MEMADAI DAN ADA PULA YANG HANYA MENERIMA SEPARUH GAJI.

BAGI MENGELAKKAN KEADAAN SEUMPAMA INI, ADALAH WAJAR KETIGA-TIGA PIHAK DI NEGARA INI IAITU KAKITANGAN KERAJAAN, SWASTA DAN KERAJAAN SENDIRI MENINGKATKAN KERJASAMA SEPERTI YANG DISARANKAN DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, KATANYA. -- LAGI  
2256MST 03 04 86

D238

U B348 DEB

MAHATHIR - GAJI 2 KUALA TERENGGANU

KATANYA, SEMUA PIHAK HARUS SEDAR BAHAWA SUMBER PENDAPATAN KERAJAAN SEKARANG BANYAK MEROSOT KERANA BEBERAPA BARANGAN MENTAH UTAMA NEGARA SEPERTI BIJIH TIMAH, GETAH DAN KELAPA SAWIT TIDAK DAPAT DIJUAL ATAU JATUH HARGANYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENGALAMI KEMEROSOTAN HASIL YANG KETARA APABILA BIJIH TIMAH TIDAK DAPAT DIEKSPORT SEDANGKAN SEBELUM INI, IA MERUPAKAN 40 PERATUS DARIPADA HASIL EKSPORT NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, SEMUA PIHAK YANG TERBABIT MEMPUNYAI PERANAN PENTING UNTUK DIMAINKAN SEBAGAI SATU PASUKAN.

+KAKITANGAN KERAJAAN HENDAKLAH BERDEDIKASI PADA TUGASNYA, DAN KERAJAAN TERMASUK ORANG-ORANG POLITIK JANGAN BERSIKAP ANGKUH, MANAKALA PIHAK SWASTA JANGAN HANYA MEMIKIRKAN KEKAYAAN BOLEH MEMBERIKAN MEREKA KEISTIMEWAAN, TETAPI HENDAKLAH MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI REGU,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN GOLONGAN TERTENTU YANG BERSIKAP NEGATIF SEPERTI MENCACI-CERCA PERKHIDMATAN KERAJAAN DAN MENGADA-ADAKAN BENDA YANG TIADA SERTA MENIMBULKAN RASA KURANG PERCAYA TERHADAP PEMERINTAH MENERUSI TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS. -- LAGI  
2303MST 03 04 86

D239

U B349 DEB

MAHATHIR - GAJI 3 KUALA TERENGGANU

TEGASNYA, JIKA USAHA GOLONGAN ITU BERJAYA, KESUNGGUHAN KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA AKAN GAGAL DAN KAKITANGAN KERAJAAN SERTA ORANG-ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN ITU AKAN MERASAI KECEWA.

+ORANG YANG KECEWA SELALUNYA TIDAK DAPAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG SEMPURNA. APABILA INI BERLAKU, RAKYAT DAN NEGARA AKAN MENANGGUNG AKIBATNYA DAN JIKA KITA TIDAK BERHATI-HATI, HURU-HARA AKAN BERLAKU,

+INI AKAN MENJADIKAN KITA SEBAGAI BANGSA YANG DIPANDANG HINA DAN DITUDUH HANYA PANDAI MENUNTUT KEMERDEKAAN TETAPI TIDAK PANDAI MEMERINTAH,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

DALAM HUBUNGAN ITU, BELIAU BERKATA SIKAP SEMUA PIHAK TERHADAP NEGARA MERUPAKAN FAKTOR YANG PALING PENTING KERANA JIKA NEGARA DIPERKECILKAN DAN TIDAK SANGGUP BERKHIDMAT UNTUK NEGARA SENDIRI, TIDAK ADA SIAPAPUN YANG AKAN DATANG MEMBANTU. -- BERNAMA

2306MST 03 04 86